

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 4 markah

Soalan 5: 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata nama akronim** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata nama akronim** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata nama akronim** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Bil.	Kata Nama Akronim	Maksud	Contoh Ayat
1	berdikari	- berdiri atas kaki sendiri, tidak mengharapkan orang lain utk menolongnya:	Leman hidup <u>berdikari</u> selepas kematian kedua-dua ibu bapanya.
2	jantina	- jenis kelamin (laki-laki atau perempuan); dua ~ dua jenis kelamin, pondan; sejantina 1. (bagi tumbuh-tumbuhan) bunga jantan dan bunga betina terdapat pd pokok yg berasingan; 2. (bagi binatang) benih jantan dan benih betina yg dihasilkan oleh jenisnya masing-masing; kejantinaan keadaan jantina (sama ada laki-laki atau perempuan), jenis kelamin: meminda perlombagaan utk menghapuskan beza-membeza yg berdasarkan	Perbezaan <u>jantina</u> bukan penghalang untuk Izzah mencebur i bidang sukan lasak.
3	purata	pukul rata; hitung panjang, nilai yg diperoleh dgn membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dgn bilangan kuantiti tersebut, hitung panjang;	<u>Purata</u> pendapatan rakyat Malaysia dijangka meningkat kepada RM2500.00 sebulan pada tahun hadapan.
4	tadika	- akronim bagi taman didikan kanak-kanak	Adik belajar di <u>tadika</u> berhampiran rumah saya.
5	gimrama	- akronim bagi gimnastik berirama (iaitu suatu persembahan gimnastik yg biasanya menggunakan alat tertentu spt tali, reben dan bola dgn irungan irama muzik):	Atlet <u>gimrama</u> negara telah berjaya menggondol pingat emas dalam disiplin tali.
6	kugiran	- kumpulan gitar rancak, pancaragam moden yg popular.	Lima <u>kugiran</u> terkenal tanah air akan membuat persembahan sempena Hari Kebangsaan.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis – Jenis Ayat**Perhatian bagi Soalan 2**

1. Jawapan mesti bersama dengan ayat dalam soalan.
2. Jika calon hanya memberikan jenis ayat tanpa disertakan ayat – berikan 0 markah.

BIL	AYAT	JENIS AYAT
1	Apakah yang kamu fikirkan?	Ayat tanya
2	Nah, cuba kamu baca berita ni!	Ayat seruan
3	Saya pun ada terbaca juga semalam dalam akhbar.	Ayat pernyata
4	Semakin ramai kaum wanita yang terpedaya dan mengalami kerugian hampir puluhan ribu ringgit	Ayat pernyata
5	kita harus berhati-hati dan perlu siasat terlebih dahulu latar belakang seseorang yang baru dikenali.	Ayat perintah
6	Usah mudah terpedaya dengan apa-apa yang dijanjikan oleh orang yang baru dikenali ini.	Ayat perintah

[Maksimum : 6 markah]**Soalan 3 – Penyuntingan**

1	di kalangan	-	dalam kalangan
2	diisytiharkan	-	diisyiharkan
3	Febuari	-	Februari
4	Sehubungan itu	-	Sehubungan dengan itu
5	siapa	-	sesiapa / siapa-siapa
6	perubatan	-	rawatan
7	merekod	-	merekodkan
8	mempergiatkan	-	mempergiat / menggiatkan
9	anti-rabies	-	antirabies
10	besar besaran	-	besar-besaran
11	mempastikan	-	memastikan
12	ternakan	-	peliharaan

[Maksimum: 11 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	1
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	0
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <i>tidak</i> mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Laksamana berjalan. Pada malam itu keadaan terlalu gelap / kelam / gelap-gulita dan hujan rintik-rintik / renyai-renyai. Kertala Sari masuk ke kota. Laksamana tidur di tengah-tengah pasar itu. Kemudian Laksamana mendengar bunyi hentakan kaki Kertala Sari yang sangat / terlalu kuat. Laksamana mengetahui kehadiran / kedatangan Kertala Sari. Kertala Sari sedang berjalan / menuju ke tengah pasar.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Perhatian bagi Soalan 5

1. Berikan **2 markah** bagi setiap peribahasa yang dapat dinyatakan dengan tepat.

Bil.	Peribahasa	Markah
1	Bahasa menunjukkan bangsa / bahasa jiwa bangsa	2
2	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih / di mana ada kemahanan, di situ ada jalan	2
3	Mata pena lebih tajam daripada mata pedang	2

[Maksimum: 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMANMarkah penuh **35** markah dibahagikan kepada:Soalan 6 : **12** markahSoalan 7 : **13** markahSoalan 8 : **10** markah**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

BABA DAN BABA		Markah
(i)	Maksud mencungkil bakat	
P1	mengenal pasti / mengetengahkan / kebolehan / potensi	2
P2	mencungkil kebolehan / potensi	1
P3	mengenal pasti / mengetengahkan / bakat	1

[Maksimum : 2 Markah]

(ii) **Kebaikan-kebaikan**

Bahan 1	
P1	Sukan ini akan memacu industri baharu yang luas pada masa depan.
P2	Sudah ramai anak muda yang bergelar jutawan
P3	Mereka berjaya mengharumkan nama negara apabila memenangi sesuatu kejohanan dunia dalam e-sukan

Bahan 2

P4	Permainan video ini tidak membuang masa kerana memberikan keuntungan jika dilakukan dengan cara yang betul.
P5	Telah meletakkan Malaysia di pentas antarabangsa apabila memenangi kejohanan e-sukan di peringkat antarabangsa

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Punca-punca**

P1	Kurang pendedahan / promosi daripada pihak yang berkenaan.
P2	Kurang penganjuran / kurang penajaan daripada pihak berkenaan.
P3	Kurang galakan daripada keluarga.
P4	Platform media sosial kurang menganjurkan pertandingan e-sukan.
P5	Pilihan kerjaya lain yang menjamin masa depan.
P6	Kurang insentif daripada kerajaan.
P7	Kos tinggi

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 Minta bantuan / penajaan daripada kerajaan. 19
- P2 Minta nasihat daripada mereka yang berpengalaman. 29
- P3 Pinjam peralatan daripada kawan-kawan. 29
- P4 Minta pertolongan ibu bapa. 29
- P5 Menyewa peralatan. 29
- P6 Minta bantuan / penajaan daripada pihak swasta / persatuan sukan. 29

[Maksimum : 4 Markah]**[Isi cukup : 3 isi]****Soalan 7**

	Markah
(i) Kedaikan kijang	1 19
suara tidak lagi kuat / nyaring	1 29
tidak berkuasa / tidak menjadi ketua	1 29
tenaganya semakin kurang / pergerakan terbatas	1 29

[Maksimum : 2 Markah]

(ii) Tindakan-tindakan

- Bahan 1**
- P1 Alias merenung pelupuk mata Chot yang masih terbuka, sangat bening renungnya 19
- P2 menangis dan memeluk Chot 19
- Bahan 2**
- P3 mengusap-usap belakang kucingnya itu 19
- P4 dia membawa Oren ke dapur 19
- P5 dia mengambil susu dari peti dan disuanya kepada Oren 19
- P6 dia kembali mendukung Oren 19
- P7 dia mencium pipi Oren 19

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**[Maksimum : 3 Markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) Usaha-usaha

- P1 pihak perbandaran perlu membina taman khas / rumah perlindungan kucing
- P2 mencari dana untuk merawat kucing liar
- P3 memohon bantuan pihak NGO / swasta bersama-sama berusaha bagi mengatasi masalah ini
- P4 mengadakan kempen kesedaran / program cinta akan kucing-kucing jalanan ini
- P5 memandulkan kucing jalanan bagi mengawal populasinya
- P6 mencari keluarga angkat untuk memelihara kucing-kucing ini
- P7 pihak media massa mendidik masyarakat agar menjadi sukarelawan dalam membela nasib kucing-kucing terbiar ini

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 menegur / menasihati murid-murid tersebut
- P2 melaporkan kes itu kepada guru tentang perbuatan mereka
- P3 mengambil kucing tersebut untuk diberi rawatan yang sepatutnya
- P4 mengalihkan kucing ke tempat yang selamat
- P5 membawa balik kucing ke rumah untuk dipelihara
- P6 meminta bantuan rakan lain untuk menyelamatkan kucing

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Ciri-ciri fizikal Muhammad Taufik seperti yang digambarkan oleh Nurul Hafsa

- P1 rambut hitam pekat
- P2 ikal rambut lelaki itu diwarisi daripada ibunya yang berambut coklat beralun
- P3 Iris Muhammad Taufik masih berwarna coklat pekat seperti bapanya
- P4 kulitnya cerah seperti kulit Puan Wickham
- P5 hidung mancung sederhana
- P6 tubuhnya tegap
- P7 tinggi lampai

[Isi cukup : 3 isi]

[Maksimum: 4 markah]

8(ii) Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah novel** seperti yang dinyatakan pada arahan soalan.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi peristiwa yang menimbulkan kemarahan yang betul.
- (d) Berikan **1 markah** bagi setiap **contoh** yang betul bagi peristiwa yang menimbulkan kemarahan.
- (e) Markah isi maksimum **4 markah** (**2 markah** bagi setiap pernyataan dan peristiwa / huraian / contoh)
- (f) Markah bahasa maksimum **2 markah**, diberi secara kesan menyeluruh
 - 1. Baik : **2 markah**
 - 2. Lemah : **1 markah**
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri **1 markah** untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[Maksimum : 6 markah]

(ii) Peristiwa yang menimbulkan kemarahan

Novel Pantai Kasih

- 1. Peristiwa Felicia Landosi melayani ibu Unong Siron di pejabatnya dengan cara yang kasar. Hal ini berbeza dengan layanan kepada pesakit yang bergelar datin dengan layanan mesra serta sopan santun.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana layanan yang diberikan kepada seseorang mengikut kedudukan dan darat.
- 2. Peristiwa Doktor Sadiz memarahi Dr Raiha kerana dia enggan menghantar anaknya yang menghidap Sindrom Down iaitu Rohayu ke Pusat Pemulihan Kanak-Kanak Istimewa.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana sebagai seorang bapa mestilah bertanggungjawab menjaga anak dengan baik dan sempurna.
- 3. Peristiwa Doktor Uwang membeli peralatan murah dan berkualiti rendah untuk digunakan dalam pembedahan terhadap pesakit kelas menengah bawah dan pertengahan untuk meraih keuntungan.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana mementingkan keuntungan daripada nyawa pesakit.
- 4. Peristiwa kegagalan doktor pakar yang diketuai oleh Dr Uwang yang gagal menjalankan pembedahan sendi pinggul tulang sebanyak sebanyak lima kali ke atas seorang pesakit iaitu Unong Siron.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana sikap sambalewa yang diambil oleh beberapa orang doktor yang merawat pesakit

Peristiwa yang menimbulkan kemarahan lain boleh diterima sekiranya relevan

Novel Bimasakti Menari

1. Peristiwa Muhammad Taufik diserang oleh penjahat upahan Dato' Johann Arlington-Majid Ketika dia balik dari masjid selepas menunaikan solat Isyak menyebabkan dia cedera dan dirawat di Hospital Besar Tanjung Karang selama lima hari.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana sikap marah terhadap seseorang menyebabkan berlakunya kecederaan.
2. Peristiwa Dato' Johan Arlington-Majid menaruh dendam kepada Tan Sri Muhamimin kerana Maryam Wickham memilih Tan Sri Muhamimin sebagai suami sehingga membawa kepada kes penculikan Muhammad Taufik.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana sikap dendam seseorang menyebabkan orang lain menjadi mangsa keadaan.
3. Peristiwa Tan Sri Muhamimin menerima ugutan supaya menarik balik sebut harga tender syarikat Dedaun Emas miliknya jika tidak mahu menerima padah.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana seseorang yang mahukan keuntungan sehingga sanggup melakukan perkara yang tidak baik.
4. Peristiwa Nurul Hafsa diculik oleh penjahat upahan supaya Muhamad Taufik masuk ke perangkap mereka.
Huraian : Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana kejahatan yang dilakukan seseorang.

Peristiwa yang menimbulkan kemarahan lain boleh diterima sekiranya relevan

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi — 20 markah
(b) Bahasa — 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas / peribahasa
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- | | Markah |
|--|--------|
| P1 ... membincangkan manfaat-manfaat / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan ekopelancongan [kepada masyarakat] dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan ekopelancongan | 2 |
| P2 ... membincangkan manfaat-manfaat / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan ekopelancongan | 1 |
| P3 ... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memajukan ekopelancongan | 1 |

Isi [16 markah]**FOKUS 1 : manfaat-manfaat / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan****Bahan 1**

- | | |
|---|---|
| A1 akan meningkatkan kepekaan dan pemahaman penduduk tempatan terhadap alam sekitar | 2 |
| A2 penduduk tempatan mendapat peluang untuk menjalankan aktiviti ekonomi | 2 |
| A3 memberikan sumbangan dalam pertumbuhan ekonomi negara | 2 |

Bahan 2

- | | |
|---------------------------------------|---|
| B1 bantu tingkat imej negara, | 2 |
| B2 prasarana / kemudahan awam terjaga | 2 |

Bahan 3

- | | |
|--|---|
| C1 terpelihara habitat flora dan fauna | / |
| | 2 |

FOKUS 2 : langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara**Bahan 1**

- | | |
|--|---|
| D1 Jabatan Perhutanan Negeri perlu memainkan peranan untuk memelihara dan memulihara habitat flora dan fauna | 2 |
| D2 pihak berkuasa hendaklah mewartakan lebih banyak kawasan hutan simpan kekal | 2 |
| D3 penyelidikan dan pembangunan perlu dilakukan untuk memajukan ekopelancongan | 2 |
| D4 penguatkuasaan undang-undang juga perlu bagi memastikan medium ekopelancongan tidak diganggu | 2 |

Bahan 3

- | | |
|---|---|
| E1 kempen memajukan ekopelancongan | 2 |
| E2 menitikberatkan pendidikan ekopelancongan di sekolah | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | |
|---|---|
| K1 Kesimpulannya, ekopelancongan perlulah dimajukan agar dapat meningkatkan ekonomi negara. | 2 |
| K2 Kesimpulannya, ekopelancongan perlu dimajukan | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)